

yang tiada kasut pada kakinya dan bertelanjang dalam keadaan papa kedana mengembala kambing berlumba-lumba meninggikan bangunan masing (menjadi kaya raya) “.

### 3.8 Penutup

Kesimpulannya, hadith-hadith tersebut dipetik oleh pengarang kitab ini tanpa mengubah bentuk penyampaiannya sama ada di dalam bentuk hadith asal di dalam Bahasa Arab mahupun *mafhum* daripada hadith yang berkaitan.

Penulis tidak memuatkan semua hadith yang terdapat di dalam bab ini dan hanya menumpukan kepada satu atau dua hadith berkaitan dengan tajuk tersebut sahaja . Ini adalah bertujuan untuk menklassifikasikan hadith-hadith tersebut kepada beberapa tajuk-tajuk utama dan tajuk kecil yang berkaitan dengannya.

Penulis juga tidak memberikan ulasan terhadap kedudukan hadith tersebut sebagai sahih, hasan mahupun *da'if* yang akan dibincangkan di dalam bab empat nanti. Begitu juga dengan kajian *takhrij* untuk mengetahui sumber asal hadith tersebut.

Penumpuan secara khusus adalah berkaitan dengan kedudukan hadith-hadith akidah di dalamnya.

### 3.2 Pengenalan Syeikh Zain al-‘Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī

Beliau ialah Syeikh Siraj al-Dīn Zain al-‘Ābidīn bin Muḥammad al-Faṭānī dan lebih dikenali sebagai Tuan Minal al-Fatani. Berasal dari Kersik, daerah Anak Ru Patani. Pendidikannya bermula di Patani dengan mendapat pendidikan tradisional di Pondok Kuala dan Pak Bauh. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke Mekah.<sup>2</sup>

Semasa di sana beliau belajar dan bergaul dengan ramai ulama Arab dan Patani seperti Syeikh Muḥammad bin Sulaiman Ḥasb Allāh al-Makkī, Syeikh Wan ‘Alī bin Ishaq al-Fatānī dan Syeikh ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahīm al-Fatānī serta lain-lainnya.<sup>3</sup>

Setelah pulang dari Mekah, beliau mencebur diri dan menabur bakti kepada masyarakat dengan membuka pondok pengajian di Patani iaitu Pondok Tuan Minal bertujuan mengajar dan mentarbiyah. Hasilnya lahir ramai tokoh ulama terkenal di bawah bimbingannya seperti Syeikh Muḥammad Sa’īd bin

<sup>2</sup>Mohd Zamperi A. Malek, *op. cit*, hal. 120

<sup>3</sup>Ibid.

Syeikh Jamāl al-Dīn dan termasuk keturunannya sendiri, diantaranya ialah Syeikh Muhammād Ṣāleḥ bin Zain al-‘Abidīn al-Fatāñī, Syeikh ‘Umar bin Zain al-‘Abidīn al-Fatāñī dan Tuan Guru Hj. Sulong bin ‘Abd al-Qādir.<sup>4</sup>

Di antara kitab karangannya yang masyhur ialah kitab *‘Aqīdah al-Najīn*. Beliau mengarang kitab tersebut sebagai terjemahan kepada kitab *Umm al-Barāhīn* karangan Ibn Yusuf al-Sanusi (M. 895H)<sup>5</sup> dengan sedikit penambahan daripada beliau sendiri sebagai *syarah* dan *ḥasyiah*.<sup>6</sup>

Kitab *Umm al-Barāhīn* menjadi penting di kalangan ulama akidah pada kurun ke-18 di Kepulauan Melayu yang membahas tentang ajaran sifat Dua Puluh. Tokoh pertama yang mendahului ulama abad itu ialah Muhammād Zain Faqīh Jalāl al-Dīn al-‘Asyī. Beliau telah menterjemah dan mengubahsuai kitab *Umm al-Barāhīn* di dalam kitabnya *Bidayah al-Hidayah*.<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup>Ibid.

<sup>5</sup>Beliau ialah Syeikh Muhammād bin Yusuf al-Sanusi. Dilahirkan pada 832 H di Tilimsan Afrika Utara dan meninggal dunia pada tahun 895 H. Selain dikenali sebagai ahli Usuluddin, beliau juga popular dengan kemahirannya di dalam matematik dan astronomi. Di Maghribi beliau terkenal sebagai mujaddid Islam yang membawa banyak pembaharuan. Beliau telah mengarang kitab-kitab yang terkenal sehingga mencapai bilangan dua puluh enam buah. Di antara kitab yang paling masyhur ialah *al-‘Aqīdah al-Kubra*, *al-‘Aqīdah al-Wusṭā* dan *al-‘Aqīdah al-Sughra*. Kitab *Umm al-Barāhīn* merupakan kitab terawal membicarakan sifat Dua Puluh. Di dalam kitab ini terdapat nas yang terang tentang sifat Dua Puluh. Walau pun begitu, beliau tidak berpendapat sifat Allah s.w.t. hanya dua puluh sifat sahaja tetapi adalah di antara sifat-sifat yang mesti difahami oleh orang Islam. Lihat Hj. Wan Muhammād Ṣaghīr ‘Abd Allah, *op. cit.*, hal. 171, lihat juga Mudasir Rosder, *op. cit.*, hal. 60

<sup>6</sup>Zain al-‘Abidīn al-Fatāñī, *‘Aqīdah al-Najīn*, hal.2

<sup>7</sup>Abd Rahman Hj. Abdullah, *op.cit*, hal. 110

Usaha-usaha beliau kemudiannya diikuti oleh ulama-ulama lain dan muncullah beberapa kitab tentang ilmu Kalam berdasarkan kitab *Umm al-Baraḥīn*. Antaranya ialah *Zuhrah al-Murīd fi Bayān Kalimah al-Tauḥīd* karangan ‘Abd al-Samad al-Falimbāni, *Aqīdah al-Bayān* oleh Tok Shihāb al-Dīn Palembang.<sup>8</sup>

Kemudiannya abad ke-19 muncul lagi kitab-kitab ilmu Kalam yang membahas tentang ajaran sifat Dua Puluh itu termasuk kitab karangan Syeikh Zain al-‘Abidīn Muḥammad al-Fatāñī bertajuk ‘*Aqīdah al-Najīn* yang ditulis pada 1890. Manakala kitab-kitab lain yang terpenting ialah *Ini Kitab Sifat Dua Puluh* oleh Sayyid ‘Uthmān bin Yahyā al-Betāwī pada tahun 1886,<sup>9</sup> *Sirāj al-Hudā* oleh Muḥammad Zain al-Dīn bin Muḥammad Badawī al-Sambawī sekitar tahun 1885-1886, *al-Durr al-Thamīn* oleh Syeikh Daud bin ‘Abd Allāh al-Fatāñī dan *bi Kifāyah al-‘Awām* oleh Hj. ‘Abd al-Samad bin Muḥammad Ṣaleh yang lebih terkenal dengan gelaran Tuan Tabal.<sup>10</sup>

Terdapat karya-karya lain peninggalan beliau yang masih digunakan sehingga hari ini seperti *Kasyf al-Ghaybah*, *Kasyf al-Lithām*, *Miftāḥ al-Murīd*, *Irsyād al-‘Ibad*, *Tabassam al-Syarībin* dan Fidayah Sembahyang dan Puasa.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>*Ibid.* hal. 111, lihat juga Sirajudin Abbas, *Tabaqat al-Syāfi‘iyyah*, Pustaka Tarbiyah, Jakarta, 1975, hal. 453-458

<sup>10</sup>*Ibid.*

Beliau kemudiannya berpindah ke Seberang Prai dan meninggal dunia di Permatang Sungai Dua, Pulau Pinang.<sup>11</sup>

### 3.3 Sumber-sumber Kitab ‘Aqidah al-Najin

Syeikh Zain al-‘Abidin bin Muhammad al-Fatani dalam bukunya itu telah menggunakan beberapa sumber utama sebagaimana yang digunakan oleh kebanyakan ulama Islam di dalam penulisan dan perbincangan mereka.

Beliau menyatakan bahawa tiga sumber utama digunakan di dalam karangannya itu:

“Dan tempat keluarnya daripada Kitab Allah dan hadith dan dalil akal”<sup>12</sup>

Berdasarkan petikan di atas menunjukkan bahawa beliau menggunakan tiga sumber tersebut , iaitu:-

- i. Al-Quran
- ii. *Al-Sunnah* , dan
- iii. Akal

---

<sup>11</sup> *Ibid.* hal. 121 . Penulis tidak mendapati tarikh pengarang meninggal dunia di dalam bahan rujukan yang berkaitan dengannya.

<sup>12</sup> Zain al-‘Abidin al-Fatani, *op. cit.* , hal. 5

### i. Al-Quran

Al-Quran adalah mukjizat terbesar Rasulullah s.a.w. merupakan dalil yang terpenting sebagai sumber akidah kerana tiada sedikitpun keraguan tentang kebenarannya daripada Allah s.w.t.. Selain daripada itu ia juga merupakan sumber utama terhadap kelahiran ilmu-ilmu lain seperti tafsir, fiqh, Bahasa Arab dan sebagainya.<sup>13</sup>

Pengarang menggunakan al-Quran sebagai dalil di dalam isi perbincangan kitab ini. Terdapat sebanyak lapan puluh sembilan (89) ayat al-Quran keseluruhannya termasuk ayat sama yang diulangi beberapa kali. Di dalam permasalahan *al-Uluhiyyat* sebanyak lima puluh sembilan (59) ayat, manakala *al-Nubuwwat* sebanyak tiga (3) ayat sahaja dan terdapat tiga belas (13) ayat berkaitan dengan *al-Sam'iyyat*. Berikut disenaraikan secara terperinci penggunaan ayat al-Quran di dalam kitab ini:

BIL	TAJUK PERBAHASAN	KEKERAPAN
1	Pendahuluan / Muqaddimah	3
2	Sifat-sifat Allah ( <i>al-Uluhiyyat</i> ) 1. Sifat-sifat Wajib 2. Sifat-sifat Mustahil	15 14

<sup>13</sup>Muhammad 'Ali al-Sabuni, *Safwah al-Tafsir*, Maktabah al-'Imān, Mansurah, t.t., jil.1 , hal.19

	3. Ayat-ayat al-Mutasyabihat	10
	4. Sifat Harus bagi Allah	7
	5. Dalil-dalil terhadap Sifat-sifat Allah	10
3	Kenabian ( <i>al-Nubuwat</i> )	3
4	Iman ( <i>al-Sam'iyyat</i> )	12
	Iman dan Islam	1
5	Penutup (Tasawwuf)	14
	JUMLAH	89

Penggunaan al-Quran di dalam kitab ini sebagai sumber asas perbincangan akidah telah dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Di dalam bab Ketuhanan umpamanya , pengarang membawa dalil-dalil al-Quran di dalam setiap sifat yang dibincangkan sama ada sifat-sifat wajib, mustahil maupun harus bagi Allah s.w.t.

Sebagai contoh, di dalam perbincangan sifat wajib tentang *Qiamuhu bi Nafsih* (قيامه بنفسه) pengarang menghuraikan dengan terperinci tentangnya di dalam surah al-Ikhlas . Di dalam huraianya beliau menjelaskan bahawa Allah s.w.t Maha Berkuasa dan Kaya daripada segala-galanya dan tidak bergantung

dengan yang lain, sebaliknya segala makhluk terpaksa bergantung denganNya di dalam segenap aspek kehidupan mereka<sup>14</sup>. Firman Allah s.w.t.<sup>15</sup>:

قل هو الله أحد(١) الله الصمد(٢)

**Maksudnya “ Katakanlah (wahai Muhammad) Allah itu Esa dan Dialah tempat segala pergantungan.”**

Begini juga keterangan dalil-dalil al-Quran dalam menyokong sesuatu hujah yang dibincang di dalam buku ini. Kadang-kadang memadai dengan dimasukkan dalil-dalil al-Quran tanpa memerlukan kepada keterangan yang panjang kerana ia sudah difahami dengan jelas tanpa boleh dipertikaikan lagi.

Perkara tersebut dapat dibuktikan dalam perbincangan tentang sifat mustahil bagi Allah umpamanya sifat mati.<sup>16</sup> Perkara ini sudah dimaklumi dengan jelas tentang Allah s.w.t. itu hidup dan tidak seperti makhlukNya. Jika ia juga mati bermakna ia bersifat seperti makhluk dan lemah. Oleh itu kekuasaanNya mengatasi segala-galanya bahkan Allah s.w.t. juga sebagai pencipta segala-galanya seperti firmanNya<sup>17</sup>:

الذى خلق الموت والحياة ليبلوكم أياكم أحسن عملا وهو العزيز الغفور(٢)

**Maksudnya: “Dia lah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu:**

<sup>14</sup>Zain al-Ābidīn al-Fatāñī, *op. cit.*, hal. 20

<sup>15</sup>Surah al-Ikhlas, ayat : 1-2

<sup>16</sup>Zain al-Ābidīn al-Fatāñī, *op. cit.* hal. 46

<sup>17</sup>Surah al-Mulk, ayat: 2

siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya; dan Ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang yang bertaubat)".

Kesimpulan daripada sumber pertama yang digunakan oleh pengarang menunjukkan bahawa al-Quran merupakan satu-satunya dalil yang amat diyakini dan bersifat kebenaran yang mutlak (*qat'i*)<sup>18</sup> dan tidak diragu lagi terutamanya dalam perkara-perkara yang bersifat *i'tiqād* dan kepercayaan agama.

## ii. Hadith

Hadith merupakan sumber Islam yang berseiringan dengan al-Quran. Ia bertindak sebagai penjelasan kepada nas-nas al-Quran yang bersifat umum dan menyeluruh, diterjemahkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam kehidupannya untuk dijadikan tauladan dan ikutan kepada umatnya.<sup>19</sup>

Di samping itu, hadith juga membawa hukum-hukum *fīqhīyah* yang berkaitan dengan urusan kehidupan manusia sebagai penjelasan terhadap nas-nas al-Quran yang bersifat umum.<sup>20</sup> FirmanNya<sup>21</sup>:

<sup>18</sup> Mustafa al-Siba'i, *al-Sunnah wa Makanatuha fi al-Tasyri' al-Islami*, hal. 377, lihat juga al-Zurqani, *Manahil al-'Irfan*, jil. 1, hal. 11.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Muhammad Jamal al-Din al-Qasimi, *Qawā'id al-Tahdīth*, hal. 44

<sup>21</sup> Surah al-Ahzab, ayat : 21

لقد كان لكم في رسول الله أسوة حسنة لمن كان يرجو الله  
والليوم الآخر وذكر الله كثيرا(٢١)

Maksudnya : “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)“

Pengarang mengambil pendekatan yang sama terhadap hadith Rasulullah s.a.w. seperti al-Quran sebagai dalil utama di dalam persoalan akidah yang meliputi segenap perkara dan urusan hidup.

Rasulullah s.a.w. tidak akan mengajar para sahabat kecuali apabila merasakan perlu dijelaskan tentang sesuatu perkara itu. Segala pertuturan dan perbuatan baginda s.a.w. adalah wahyu daripada Allah s.w.t.<sup>22</sup>. Firman Allah

s.w.t.<sup>23</sup>

وَمَا يُنْطِقُ عَنِ الْهُوَيِّ (٣) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَى (٤)

Bermaksud : “Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepada dia.”

Di dalam kitab ini, pengarang memasukkan sebanyak sembilan puluh satu (91) hadith kesemuanya, manakala hadith-hadith yang menyentuh persoalan

<sup>22</sup>Mustafa al-Siba'i, *op. cit.*, hal. 340

<sup>23</sup>Surah al-Najm, ayat: 3-4

akidah secara langsung adalah sebanyak empat puluh satu (41) hadith. Perbincangan tersebut berlegar di sekitar persoalan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyat*. Selebihnya pula menyentuh persoalan-persoalan lain sama ada mempunyai kaitan secara langsung dengan akidah mahupun sebaliknya.

Kebanyakan hadith-hadith yang digunakan merupakan hadith yang *masyhūr* dan diambil daripada sumber yang *thiqah* serta boleh diterima sebagai hujah di dalam akidah.<sup>24</sup> Penulis secara khusus akan membuat analisa tentang kedudukan hadith-hadith Akidah yang dibincang di dalam kitab ini di dalam bab keempat kerana ia merupakan fokus utama kajian penulis.

### iii. Akal

Pengarang memberikan peranan yang amat besar kepada akal di dalam membincangkan persoalan akidah di dalam kitab ini. Kaedah ini bersesuaian dengan pendekatan utama pengarang yang menggunakan pendekatan ilmu Kalam dan akal di dalam perbincangannya.<sup>25</sup>

Keadaan ini amat jelas apabila pengarang memetik pendapat tokoh-tokoh ulama Kalam aliran *Khalaf* di dalam menyokong topik perbincangannya. Di

<sup>24</sup>Ahmad 'Umar Hasyim, *Uṣūl al-Ḥadīth*, hal. 156

<sup>25</sup>Zain al-'Abidīn al-Faṭā'ī, *op. cit*, hal. 5

antara tokon-tokoh tersebut ialah Syeikh Ibn Yusuf al-Sanusi (M. 895H), Syeikh Ibrāhīm al-Laqqānī (M. 1141H) dan Syeikh Tilmisānī (M. 646H).<sup>26</sup>

Sebagai contohnya di dalam memulakan perbincangannya pengarang berpandukan kepada *nazam* Syeikh Ibrāhīm al-Laqqānī. Di antara nas yang digunakan di dalam perbincangan ayat *al-Mutasyabihāt* berbunyi:<sup>27</sup>

”وَكُلْ نَصْ أَوْهِمُ التَّشْبِيهِ ۝ أَوْلَهُ أَوْ فَوْضُ رَمْ تَنْزِيهِا“

Maksudnya : “Dan tiap-tiap nas (al-Quran atau Hadith) yang memberi *waham* akan *tasybih* itu dengan yang baharu *ta'willah* dan serahkanlah olehmu akan pengetahuan itu kepada Allah dan *qasad* olehmu akan suci Allah itu daripada menyerupai segala yang baru.”

Tambahan pula kitab karangan ini merupakan terjemahan dan *syarah* daripada kitab karangan Syeikh Ibn Yusuf al-Sanusi, pengarang kitab *Umm al-Barāhīn* merupakan kitab yang masyhur dengan mengutarakan pendekatan *Khalaf* dan ilmu Kalam.<sup>28</sup>

Di dalam bahagian muqaddimah bukunya, pengarang telah menjelaskan di awal perbincangan ilmu Akidah dengan membahagikan hukum akal kepada

<sup>26</sup>Sila Rujuk pendapat Syeikh Ibn Yusuf al-Sanusi di dalam membahas sifat Kalam di dalam *Aqidah al-Najm*, hal.33, Syeikh Tilmisānī dan Syeikh Ibrāhīm al-Laqqānī hal.49 . Lihat juga Ibrahim al-Laqqānī, *Syarh Jauharah al-Ta'uhid*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, 1983, hal. 91

<sup>27</sup>Ibid. hal. 49

<sup>28</sup>Ibid., hal. 2

tiga bahagian dengan sedikit perbincangannya beserta dengan takrifan hukum akal.<sup>29</sup>

Hasil daripada pengamatan penulis, mandapati bahawa pengarang banyak menggunakan pendekatan dalil akal sebagai kaedah untuk *mengithbatkan* akidah yang berkesan sesuai dengan perkembangan di waktu tersebut dengan tidak mengabaikan peranan al-Quran dan hadith yang disertakan bersama di dalam kitab ini.

### **3.4. Beberapa Persoalan Akidah di Dalam kitab ‘*Aqīdah al-Najīn***

Syeikh Zain al-‘Abidīn al-Fatāñī menfokuskan perbincangannya terhadap sifat Dua Puluh di dalam kitab ‘*Aqīdah al-Najīn* sebagai kaedah terbaik *mengithbatkan* konsep *al-Ulūhiyyāt*. Selain daripada itu terdapat beberapa persoalan lain yang turut dibincangkan termasuk persoalan *al-Nubuwāt* dan *al-Sam'iyyāt*. Di antara persoalan-persoalan akidah yang diperkatakan di dalam kitab ‘*Aqīdah al-Najīn* ialah :-

#### *i. Ma’rifah Allah*

Pengarang menjelaskan bahawa perkara yang paling awal perlu diajar kepada setiap mukallaf ialah mengenal Allah s.w.t. . Adalah menjadi kewajipan

---

<sup>29</sup>*Ibid.*, hal. 8-11

kepada setiap mukmin untuk mengenali Allah s.w.t. dan rasulNya mengikut *syara'* , iaitu berdasarkan kepada al-Quran dan hadith berkenaan sifat-sifat yang wajib , mustahil dan harus bagi Allah s.w.t dan rasulNya.<sup>30</sup>

Setiap hukum yang berkaitan dengan pengabdian diri kepada Allah s.w.t. adalah ditentukan sendiri olehNya dan disampaikan oleh para rasul melalui wahyu yang diturunkan kepada mereka. Oleh itu menjadi kewajipan kepada setiap manusia untuk memberi ketaatan yang sepenuhnya terhadap suruhan dan larangan Allah s.w.t. terutamanya di dalam perkara yang berkaitan dengan ketuhanan. Peranan akal hanya terbatas kepada perkara yang dapat diperhatikan melalui pancaindera sahaja.<sup>31</sup>

Namun begitu ada juga yang berpendapat bahawa mengenal Allah s.w.t. adalah melalui akal semata-mata. Menurut Mu'tazilah , sekalian hukum adalah *thabit* dengan dalil-dalil akal manakala *syara'* hanya bertindak untuk menguatkan akal sahaja.<sup>32</sup>

Oleh itu, mereka berpendapat bahawa perkara yang paling awal sekali bagi setiap mukallaf mengenali Allah s.w.t. ialah melalui *al-Nazar* (النظر) iaitu

<sup>30</sup> *Ibid.* , hal. 12-13

<sup>31</sup> Abd al-Karīm Zaidān , *Uṣūl al-Da'wah* , Maktabah al-Quds , Baghdad, 1991, hal. 46 .

<sup>32</sup> Zain al-'Abidīn al-Faṭānī , *op.cit.* , hal. 12

dengan melihat dan berfikir tentang kejadian alam yang begitu indah mestilah mempunyai penciptanya yang Maha Berkuasa dan Maha Agung. Dengan itu kaedah *al-Nazar* merupakan satu proses mengenali Allah s.w.t dengan akal.<sup>33</sup>

## ii. Sifat-sifat Allah s.w.t

Pengarang menyatakan wajib mengenal Allah s.w.t secara *tafsīl* melalui sifat Dua Puluh. Begitu juga wajib mengenal Allah s.w.t. secara *ijmāl* bahawa Allah s.w.t. bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan mustahil ia mempunyai sifat-sifat kekurangan.<sup>34</sup> Sifat-sifat yang wajib bagi Allah s.w.t. dibahagikan kepada empat bahagian iaitu :-

1. Sifat *al-Nafsiyyah*
2. Sifat *al-Salbiyyah*
3. Sifat *al-Ma'āni*
4. Sifat *al-Ma'nawiyah*

### 1. Sifat *al-Nafsiyyah*

Hanya satu sahaja yang dikatogerikan sebagai Sifat *al-Nafsiyyah* iaitu sifat *al-Wujūd*. Ia bermaksud sifat bagi zat Allah s.w.t. yang wujud di atas dirinya sendiri. Sesetengah ulama menyatakan bahawa sifat ini merupakan hal

---

<sup>33</sup>*Ibid.*, hal. 13

<sup>34</sup>*Ibid.*

yang *thabit* bagi zat selagi adanya zat tanpa memerlukan kepada sebarang sebab dan alasan yang selain daripadaNya.<sup>35</sup>

## 2. Sifat *al-Salbiyyah*

Sifat *al-Salbiyyah* ialah sifat yang menafikan segala sifat yang tidak layak bagi Allah s.w.t. daripada sifat kekurangan. Ia mengandungi lima sifat iaitu *al-Qidam*, *al-Baqā'*, *Mukhalafatuhu li al-Hawādith*, *Qiamuhu bi Nafsih* dan *al-Wahdaniyah*.<sup>36</sup>

*Al-Qidam* bermakna sedia, ia membawa pengertian sedia pada hak Allah s.w.t. dengan ketiadaan '*adām*Nya (tiada) yang terdahulu daripada wujudNya. Ini menunjukkan bahawa tiada permulaan bagi wujudnya Allah s.w.t. dan bersalahan dengan sifat maklukNya yang bersifat sebaliknya.<sup>37</sup>

Sifat *al-Baqā'* pula bermaksud kekal. Allah s.w.t. sentiasa kekal buat selama-lamanya dan tiada akhir bagi wujudNya. Ia tidak sekali-kali mati

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, hal. 23

<sup>36</sup> Dr. Mubarak Hasan bin Husin, *'Ilm al-Tauhid fi Dar'i al-'Aql wa al-Naql*, Matba'ah al-Amanah, Kaherah, 1982, hal. 252

<sup>37</sup> Zain al-'Abidin al-Fatani, *op. cit.*, hal. 18

bersalah dengan sifat makhlukNya yang mempunyai penghujung di dalam hidupnya.<sup>38</sup>

Di antara sifat Allah s.w.t. yang lain ialah *Mukhalafatuhu li al-Hawadith*, iaitu Allah s.w.t. tidak menyerupai sebarang sifat dan kejadian seperti makhlukNya dalam apa jua bentuk dan keadaannya. Di samping itu ia juga berdiri dengan sendirinya dan tidak memerlukan kepada sebarang bantuan dan pertolongan daripada zat yang lain mahupun pembantunya, malah Allah s.w.t. amat berkuasa melakukan sesuatu perkara yang dikehendakinya sendiri. Inilah yang dinamakan sifat *Qiamuhu bi Nafsih* bagi Allah s.w.t.<sup>39</sup>

Manakala *al-Wahdaniyah* pula bermaksud Allah itu Esa dan tiada sekutu bagiNya sama ada pada zat, sifat dan perbuatanNya. Menurut pengarang, *al-Wahdaniyah* pada zat bermaksud Allah s.w.t. tidak menyerupai sebarang bentuk jisim yang menyerupai makhluk. *Al-Wahdaniyah* pada sifat pula ialah dengan tidak berbilang-bilang pada sesuatu sifat seperti mustahil Allah s.w.t. mempunyai dua *Qudrah* dan dua *Iradah*. *Al-Wahdaniyah* pada perbuatan Allah s.w.t. pula seperti berkuasa mengadakan dan meniadakan sesuatu selain daripada kuasaNya,

Maha Suci Allah s.w.t. daripada perkara sedemikian.<sup>40</sup>

---

<sup>38</sup>*Ibid.*

<sup>39</sup>*Ibid.*, hal. 20

<sup>40</sup>*Ibid.*, hal. 21

### 3. Sifat *al-Ma'ani*

Sifat *al-Ma'ani* mengandungi tujuh sifat iaitu sifat *al-Qudrah*, *al-Iradah*, *al-'Ilm*, *al-Hayah*, *al-Sam'*, *al-Basar* dan *al-Kalam*. Ia dinamakan sifat *al-Ma'ani* kerana ia adalah sifat kepada zat dan bukannya 'ain zat seperti sifat *al-Wujud*. Ia merupakan sifat tambahan yang wajib ke atas zat Allah s.w.t.<sup>41</sup>

*Al-Qudrah* dan *al-Iradah* adalah sifat wujudiyah yang berdiri dengan zat Allah s.w.t. dan berkuasa di dalam mengadakan dan meniadakan sesuatu yang *mungkinat*. Manakala *al-'Ilm* bermaksud mengetahui, iaitu sifat yang wujud dan berdiri dengan zatNya di mana pengetahuanNya meliputi segala perkara sama ada perkara lampau mahupun sesuatu yang akan berlaku, malah sedikitpun tidak dapat disembunyikan daripada pengetahuanNya.<sup>42</sup>

*Al-Hayah* bermaksud hidup, iaitu Allah s.w.t. hidup buat selama-lamanya dan tiada awal mahupun akhir bagi kewujudanNya tersebut. Ia merupakan sifat azali<sup>43</sup> yang wujud dengan zatNya dan berdiri dengannya oleh sifat *Idrak* iaitu *al-'Ilm*, *al-Sam'* dan *al-Basar*. Begitu juga keadaanya dengan *sifat al-Sam'* dan *al-*

<sup>41</sup>Dr. Mubarak Hasan bin Husin, *op. cit.*, hal. 295

<sup>42</sup>Zain al-'Abidin al-Faqtanī, *op. cit.*, hal. 28

<sup>43</sup>Azali bermaksud tiada awal dan akhir bagi Allah s.w.t.

*Basar* yang memberi pengertian Allah s.w.t. itu Maha Mendengar dan Maha Melihat segala sesuatu tanpa sebarang hijab dan sempadan.<sup>44</sup>

Manakala *al-Kalām* bermakna berkata-kata . Ia merupakan sifat azali yang wujud dan berdiri dengan zatNya sendiri tanpa sebarang huruf dan suara , kedudukannya tidak mengikut tertib awal dan akhirnya serta tidak sekali-kali menyerupai segala gambaran kata-kata dan ucapan makhlukNya.<sup>45</sup>

#### 4. Sifat *al-Ma'nawiyyah*

Ia merupakan sifat azali bagi Allah s.w.t. yang wujud berdasarkan *al-'Ilm* dan *al-Iradah*Nya. Ia mengandungi tujuh sifat iaitu *Kaumuhu Qādiran* , *Murīdan* ، *Qādira و مُرِيدا و عَالٍ* ، *Āliman* ، *Hayyan* ، *Sāmi'an* ، *Baṣiran* dan *Mutakalliman*.

( وَحْيًا وَسَامِعًا وَبَصِيرًا وَمُتَكَلِّمًا ) . Ia menjelaskan keadaan Allah s.w.t. yang Maha Berkuasa dan Berkehendak menentukan sesuatu , Hidup yang abadi , Maha Mendengar dan Melihat serta keadaanNya yang berkata-kata tanpa sebarang suara mahupun huruf.<sup>46</sup>

<sup>44</sup>Zain al-'Abidin al-Faṭāñī , *op. cit.* , hal. 31

<sup>45</sup>*Ibid.*

<sup>46</sup>*Ibid.* , hal. 36

Selain daripada itu , Allah s.w.t. juga mempunyai sifat yang mustahil dan harus bagi diriNya. Allah s.w.t. mustahil bersifat dengan sebarang sifat kekurangan yang berlawanan dengan sifat-sifat wajib bagi diriNya seperti ‘*adam* , tidak kekal , tidak berdiri dengan zatNya sendiri , mempunyai sekutu dan tidak berkuasa menentukan sesuatu menurut kehendakNya sendiri.<sup>47</sup>

Manakala sifat yang harus bagi Allah s.w.t. ialah berkuasa untuk mengadakan dan meniadakan segala yang *mumkināt*<sup>48</sup> seperti firman Allah s.w.t.<sup>49</sup> :

إنما أمره إذا أراد شيئاً أن يقول له كن فيكون (٨٢)

Maksudnya : “Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: Jadilah engkau! . Maka ia terus menjadi .”

### iii. *Al-Nubuwat*

Rasul ialah manusia yang diutuskan wahyu oleh Allah s.w.t. kepadanya dengan ‘*syara'* dan disuruh menyampaikannya kepada umatnya. Nabi juga

---

<sup>47</sup> *Ibid.* , hal. 37-38

<sup>48</sup> *Ibid.* , hal .52

<sup>49</sup> Surah Yaasin , ayat 82

mempunyai pengertian yang sama dengan rasul melainkan ia tidak disuruh menyampaikan ajaran *syara'* kepada orang lain.<sup>50</sup>

## 1. Syarat-syarat Rasul

Seseorang rasul atau nabi hendaklah mempunyai beberapa syarat yang layak dengan kedudukannya sebagai utusan Allah s.w.t. Ia mempunyai sifat-sifat yang sempurna sebagai manusia pada akal , zamannya , ilmu , cerdik dan elok kejadiaannya serta tidak mempunyai sifat-sifat kekurangan yang tidak layak bagi dirinya sebagai manusia biasa. Di antaranya seperti sopak , kusta dan melakukan perkara-perkara yang hina serta maksiat.<sup>51</sup>

Jika berlaku sebarang kecelakaan terhadapnya hendaklah *dita'wilkan* dengan keadaan yang layak bagi kedudukannya sebagai rasul seperti ujian yang menimpa nabi Ayyūb 'a.s dan Ādam 'a.s.<sup>52</sup>

---

<sup>50</sup>Zain al-Ābidīn al-Fatāñī , *op. cit.* , hal . 68

<sup>51</sup>*Ibid.*

<sup>52</sup>*Ibid.*

## 2. Bilangan Nabi dan Rasul

Allah s.w.t. telah menyebut nama-nama rasul di dalam al-Quran sebanyak dua puluh lima (25) orang. Namun begitu sesetengah ulama berpendapat jumlah mereka adalah seramai tiga ratus tiga belas orang (313). Ada juga pendapat mengatakan seramai tiga ratus empat belas orang (314) dan tiga ratus lima belas orang (315). Manakala bilangan nabi pula tidak diketahui jumlahnya dengan tepat menurut pendapat yang sahih.<sup>53</sup>

Adalah menjadi kewajipan ke atas setiap mukallaf mengenal para rasul secara *tafsīl* seperti yang telah diceritakan oleh al-Quran. Di kalangan para rasul yang disebut di dalam al-Quran, terdapat lima orang yang digelar sebagai *Ulu al-'Azm* (أولو العزم) iaitu mereka yang mempunyai kecekalan dan ketabahan yang tinggi di dalam menyebarkan risalah Allah s.w.t. Mereka ialah nabi Muhammad s.a.w., Ibrāhīm 'a.s, Mūsā 'a.s, 'Isā 'a.s dan Nūh 'a.s.<sup>54</sup>

Selain daripada itu, mereka juga diturunkan kitab-kitab sebagai syariat untuk umatnya. *Al-Taurah* diturunkan kepada nabi Musa 'a.s, *al-Zabūr* kepada nabi Daud 'a.s, *al-Injīl* untuk nabi 'Isa 'a.s dan al-Quran untuk nabi Muhammad s.a.w. Beberapa naskah *suhuf* juga diturunkan kepada mereka. Di antara mereka

---

<sup>53</sup>*Ibid.*, hal. 69

<sup>54</sup>*Ibid.*, hal. 70

yang menerima *suhuf*<sup>55</sup> tersebut ialah nabi Ādām 'a.s , Syīth 'a.s , Idrīs 'a.s , Nūh 'a.s , Ibrāhīm 'a.s dan Mūsā 'a.s<sup>56</sup>

### 3. Sifat-sifat Wajib Bagi Rasul

Pada umumnya , para rasul memiliki sifat kesempurnaan sebagai manusia normal yang elok kejadiannya dan tidak mempunyai kecacatan yang tercela terhadap dirinya.Pengarang menyatakan beberapa sifat yang wajib bagi para rasul iaitu sifat *al-Sidq* , bermaksud segala perutusan yang dibawa oleh mereka adalah benar daripada wahyu Allah s.w.t.<sup>57</sup>

Sifat kedua adalah *al-Amānah* , iaitu amanah dan tidak bersifat kianat di dalam menyampaikan ajaran Allah s.w.t. dengan penuh kesungguhan dan tanggungjawab. Adalah menjadi kewajipan kepada mereka untuk menyampaikan segala suruhan dan larangan Allah s.w.t. kepada umatnya tanpa menyembunyikannya walaupun sedikit. Ia dikenali sebagai sifat *al-Tablīgh*.<sup>58</sup>

---

<sup>55</sup>*Suhuf*ialah kalam Allah yang diwahyukan kepada para nabi dan rasulnya dan tidak dikumpul , dan tidak dijadikan kitab khas hanya merupakan beberapa lembaran muka surat sahaja sebagai surat pekeliling. Lihat Hj. Sa'īd Hj. Ibrahim , 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah , Dar al-Ma'rifah , Kuala Lumpur , 1996 , hal. 184

<sup>56</sup>Zain al-'Abidīn al-Fatā'ī , *op. cit.* , hal . 70

<sup>57</sup>*Ibid.*

<sup>58</sup>*Ibid.*

## **5. Sifat Mustahil dan Harus Bagi Rasul**

Mustahil bagi seseorang rasul mempunyai sifat yang bertentangan dengan sifat wajibnya seperti pembohong , kianat dan tidak menyampaikan ajaran yang diperintahkan Allah s.w.t. terhadapnya. Begitu juga harus baginya memiliki sifat-sifat seperti manusia lain yang normal seperti makan , minum , tidur , berkahwin, mempunyai zuriat , sihat dan sakit selagi ia tidak membawa kepada perkara-perkara yang menjatuhkan maruahnya sebagai seorang rasul dan manusia biasa. Ini disebabkan rasul dipelihara oleh Allah s.w.t. daripada perkara yang sedemikian.<sup>59</sup>

Manakala mukjizat merupakan bukti kerasulan mereka di samping melemahkan musuh yang menentang kebenaran Islam daripada Allah s.w.t. . Di antara beberapa mukjizat yang dikurniakan kepada para rasul ialah api yang besar tidak membakar nabi Ibrāhīm ‘a.s tatkala dilontarkan ke dalam api oleh Namrud , Nabi Mūsā ‘a.s membelah laut dengan pukulan tongkatnya apabila dikejar oleh Firaun dan tenteranya dan terpancar air daripada anak jari Rasulullah s.a.w. untuk kegunaan para sahabat berwuduk semasa di Hudaibiyah.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup>*Ibid.* , hal. 71-72

<sup>60</sup>*Ibid.* , hal 74-75

#### iv. *Al-Sam'iyyat*

*Al-Sam'iyyat* ialah perkara yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia melainkan dengan mendengar perkhabaran yang dibawa oleh para rasul daripada wahyu Allah s.w.t. tentang perkara tersebut. Pengarang membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan *sam'iyyat* seperti kiamat dan tanda-tandanya, azab kubur , mahsyar , *al-Hawd* (kolam) , *al-Mizān* , *al-Luh al-Mahfūz* , *al-'Arasy*, syafaat Rasulullah s.a.w. , syurga dan neraka.<sup>61</sup>

Kesimpulannya , seseorang muslim hendaklah beriman dengan penuh yakin tentang kewujudannya sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. tanpa ragu-ragu sedikitpun.<sup>62</sup>

#### v. Iman dan Islam

Iman dan Islam mempunyai pertautan yang amat rapat sekali. Iman digambarkan sebagai kepercayaan hati , manakala Islam pula digambarkan sebagai amalan lahiriah yang tercetus daripada keimanan di hati.

---

<sup>61</sup>*Ibid* , hal. 99 –112

<sup>62</sup>*Ibid* . Lihat juga Dr Muhammad Ḥusainī Musa Muḥammad al-Ghazālī , *al-Īmān bi al-Ghaib wa Atharuhu 'ala al-Fikr al-Islāmī* , Maktabah Syurūk li al-Taba'ah wa al-Nasyr, Kaherah, 1995 , hal. 23

Menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* iman boleh bertambah dan bekurang berdasarkan ketaatan dan maksiat seseorang terhadap perintah Allah s.w.t. Apabila seseorang hamba taat dan melakukan amalan-amalan soleh , maka keimanannya bertambah . Begitu juga keadaan sebaliknya jika perkara yang bertentangan dilakukannya.<sup>63</sup>

### 3.5 Metodologi Kitab ‘*Aqidah al-Najīn*

Penulis mengkaji dan merumuskan metodologi yang digunakan oleh pengarang di dalam mempersembahkan kitabnya kepada umum sebagai salah satu karya akidah yang penting di Nusantara di abad ini.

Di sepanjang kajian penulis mendapati pengarang menggunakan beberapa metodologi di dalam kitab ‘*Aqidah al-Najīn* bagi menghuraikan kefahaman yang jelas tentang akidah mengikut fahaman *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*.<sup>64</sup>

#### 3.5.1 Pembahagian Bab

Kitab ini secara umumnya dibahagikan kepada tiga perbincangan utama iaitu ketuhanan (*al-Uluhiyyat*), kenabian (*al-Nubuwwat*) dan perkhabaran ghaib

---

<sup>63</sup>*Ibid.* , hal. 117

<sup>64</sup>*Ibid.* , muka kulit

(*al-Sam'iyyat*). Di dalam setiap perbincangan tersebut dibahagikan pula kepada beberapa tajuk kecil yang berkaitan dengannya.

Pengarang memulakan muqaddimah kitabnya dengan *tahmīd* (memuji Allah s.w.t.) dan menerangkan tujuan kitab tersebut ditulis serta memulakannya dengan perbahasan kalimah (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) selawat dan salam.<sup>65</sup>

Seterusnya beliau memulakan perbincangan hukum akal dan pembahagiannya di samping memberi takrifan ilmu Tauhid dan penggunaan namanya sebagai ilmu Tauhid dan ilmu Kalam.<sup>66</sup>

Pengarang memulakan bahagian pertama dengan fokus perbincangannya tentang sifat yang wajib bagi Allah dengan membawa pendekatan melalui sifat Dua Puluh yang dibahagikan kepada sifat *al-Nafsiyyah*, *al-Salbiyyah*, *al-Ma'āni* dan *al-Ma'nawiyyah*.<sup>67</sup>

Seterusnya diikuti dengan sifat-sifat mustahil bagi Allah s.w.t. yang bertentangan dengan sifat-sifat yang wajib bagiNya dan tidak layak dengan kedudukan Allah sebagai Tuhan Pencipta segala makluk.<sup>68</sup>

---

<sup>65</sup> *Ibid.* hal. 2-4

<sup>66</sup> *Ibid.* hal. 5

<sup>67</sup> *Ibid.* hal. 16-36

<sup>68</sup> *Ibid.* hal. 36

Kemudiannya diakhiri bahagian ini dengan menyatakan sifat yang harus bagi Allah s.w.t. iaitu Allah keruasa untuk menjadikan sesuatu mahu pun sebaliknya dengan disertakan juga dalil-dalil tentang sifat-sifat wajib yang disebut sebelum ini.<sup>69</sup>

Selepas selesai masalah ketuhanan , maka pengarang memasuki perbincangan bahagian kedua iaitu kenabian. Perbincangannya merangkumi perkara yang wajib, mustahil dan harus.<sup>70</sup>

Bahagian terakhir yang disentuh oleh pengarang ialah *al-Sam'iyyāt*. Perbincangan bahagian ini berlegar disekitar hakikat Iman dan Islam, kepercayaan kepada nabi-nabi, azab kubur, kiamat dan perkara yang berkaitan dengannya.<sup>71</sup>

Di bahagian penutupnya pengarang memberikan sedikit ulasan tentang hakikat Iman dan Islam, dosa-dosa besar seperti *riyā'*, *'iyūb* dan takabbur. Tidak ketinggalan juga praktikal tasawwuf seperti zuhud, mujahadah, menjauhi syaitan , ikhlas dan sebagainya.<sup>72</sup>

---

<sup>69</sup>*Ibid.* hal. 52

<sup>70</sup>*Ibid.* hal. 68

<sup>71</sup>*Ibid.* Sila rujuk hal. 95- 117

<sup>72</sup>*Ibid.* Sila rujuk. hal. 117- 139

### **3.5.2 Isi kandungan Kitab**

Pengarang mempersembahkan isi perbincangan kitab dengan baik dan menarik. Di dalam bab-bab yang dibincangkan, dimulai dengan takrifan tajuk seterusnya disertai dengan perbincangan terhadap persoalan tersebut. Panjang dan pendek perbincangan bergantung kepada keperluan dan perbahasananya di kalangan ulama-ulama Islam.

Kemudian hujah tersebut disokong pula dengan dalil-dalil al-Quran, hadith dan akal. Penulis membawa semua dalil-dalil yang terdapat sekiranya ada dan jika sebaliknya memadai dengan satu ataupun beberapa dalil sahaja daripada sumber-sumber tersebut.

Di samping itu, pengarang juga mengaitkannya dengan perbincangan ulama-ulama aliran lain terutamanya ulama-ulama Kalam seperti Mu'tazilah, Qadariyah dan Jabariyah di dalam sesetengah perbincangannya.

Sebagai contoh di dalam membincangkan sifat-sifat mustahil bagi Allah s.w.t iaitu 'adam (tiada) dan *hudūth*(baharu). 'Adam bererti tiada lawannya wujud dan *hudūth* bererti baru lawannya *qidam*.<sup>73</sup>

---

<sup>73</sup>*Ibid.*, hal. 37

Pengarang juga memetik hadith riwayat daripada Abu Daūd yang diceritakan oleh Abu Hurairah:<sup>74</sup>

” يوشك الناس يسألون حتى يقول قائلهم هذا الله خالق الخلق فمن خلق الله فإذا قالوا ذلك فقولوا قل هو الله أحد الله الصمد لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا أحد ”

Maksudnya : ”Hampir-hampir manusia ditanya mereka hinggalah berkata daripada mereka itu bahawa Allah yang menjadikan makhluk, maka siapa pula yang menjadikanNya ? Maka apabila berkata mereka itu sedemikian maka katakanlah kepada mereka : (ayat surah al-Ikhlas) Katakanlah bahawa Allah itu Esa , Ia sebagai tempat pergantungan (makhluk) . Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan, tiadalah bagiNya sebarang sekutupun”.

Di dalam beberapa permasalahan tertentu pengarang membawa perbahasan ulama di dalam membincangkannya. Sebagai contohnya di dalam permasalahan perbuatan hamba secara ikhtiar (*al-Af'āl al-Ikhtiyāriyyah*), terdapat perbezaan pendapat di antara *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan Mu'tazilah . Mu'tazilah berpendapat bahawa perbuatan *al-Ikhtiyāriyyah* bukan dijadikan oleh Allah s.w.t. bahkan manusia sendiri yang menciptakannya. Pendapat ini adalah bertentangan dengan pandangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang berpendapat sebaliknya.<sup>75</sup>

Namun begitu, metod cerita dan hikayat juga dimasukkan sebagai sokongan tambahan terhadap sesuatu hujah yang dikemukakan seperti cerita Imam

<sup>74</sup>Hadith riwayat Abu Daud, *al-Sunnah*, hadith 4098

<sup>75</sup>Zain al-'Ābidīn al-Fatā'ī, *op. cit.* , hal. 53

Abu Hanifah (M. 150H) berhadapan dengan golongan *al-Dahriyyūn* di dalam permasalahan kewujudan Allah s.w.t. dan perbuatanNya.<sup>76</sup>

Kesimpulannya, pengarang telah menggunakan metodologi yang baik dan berkesan di dalam karangannya untuk memudahkan pembaca memahami isi perbicangannya dengan jelas di samping dapat melihat titik persamaan dan perbezaan di kalangan ulama dan mazhab masing-masing.

Untuk memudahkan para pembaca mengetahui tajuk-tajuk utama perbincangan kitab ini, penulis merangka satu daftar isi dengan membahagikannya kepada beberapa tajuk utama dengan beberapa tajuk kecil lain yang terdapat dibawahnya. Dengan wujudnya daftar isi tersebut para pembaca boleh menggunakannya dengan merujuk kepada kitab asal karangan pengarang yang tidak terdapat daftar isi di dalam kitab tersebut.

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	2
2	<i>Ketuhanan / al-Uluhiyyat</i>	11
	1. Sifat-sifat Wajib	11
	2. Sifat-sifat Mustahil	36
	3. Sifat-sifat Harus	52
3	<i>Kenabian / al-Nubuwwat</i>	68

<sup>76</sup>*Ibid.* hal. 8

4	Perkara-Perkara Ghaib / <i>al-Sam'iyyat</i>	86
5	Penutup	139

### 3.5.3 Akal sebagai Pendekatan

Mengikut pengamatan penulis, pengarang lebih banyak mengutamakan pendekatan akal di dalam perbincangan akidah terutamanya di sekitar perbincangan tentang sifat-sifat Ketuhanan (*al-Ulūhiyyāt*). Walaupun begitu dalil-dalil al-Quran dan hadith juga digunakan sebagai hujah seiringan dengan dalil-dalil akal.

Ini dapat dilihat pada awal perbincangan lagi, di mana pengarang telah membahagikan hukum akal kepada tiga bahagian apabila menghuraikan matan asal yang dikemukakan oleh Ibn Yusuf al-Sanusi iaitu wajib, mustahil dan harus.<sup>77</sup>

Nampaknya pengarang terpengaruh dan terbawa-bawa dengan aliran Mu'tazilah di dalam penekanan hukum akal terhadap perkara yang berkaitan dengan ketuhanan.

---

<sup>77</sup> *Ibid.*, hal. 5 , lihat juga hal. 9 dan 10

Di dalam perbincangan tentang sifat-sifat wajib bagi Allah s.w.t. umpamanya pengarang membawa pendekatan ulama Kalam di dalam membahaskannya dengan menggunakan sifat Dua Puluh. Mereka menggunakan pendekatan akal dengan meluas sebagai *mengitbatkan* sifat-sifat yang wajib bagi Allah s.w.t seperti sifat-sifat Dua Puluh, dalil-dalil tentang kewujudan Allah s.w.t., *al-Ta'wil*, *al-Ittihad wa al-Hulul* dan perbincangan *al-Jauhar*.<sup>78</sup>

Menurut pengarang, menjadi kewajipan setiap muslim mengenal Allah s.w.t. secara *tafsil* (terperinci) melalui sifat Dua Puluh dan ulama berselisih pendapat di dalam menentukan perkara yang paling awal wajib untuk mengenal Allah s.w.t. Terdapat sesetengahnya berpendapat bahawa mengenal Allah s.w.t. dan segala rasulNya merupakan perkara yang mula-mula sekali menjadi kefarduan ke atas mereka.<sup>79</sup>

Namun begitu ada juga yang berpendapat bahawa perkara yang mula-mula sekali ialah menilik (النظر) kepada alam ini sehingga lah mengenali Tuhan Penciptanya. Ini jelas menunjukkan bahawa pengarang meletakkan pengunaan akal adalah amat penting di dalam persoalan akidah.<sup>80</sup>

---

<sup>78</sup>*Ibid.*, hal. 14

<sup>79</sup>*Ibid.*, hal 13

<sup>80</sup>*Ibid.*

Terdapat juga perdebatan ulama-ulama Islam mempertahankan Islam dengan menggunakan hujah akal apabila berhadapan dengan musuh sebagaimana yang berlaku kepada Imam Abu Hanifah apabila berhadapan dengan golongan *al-Dahrīyyūn*.<sup>81</sup>

Sehubungan dengan itu, penulis berpendapat bahawa pendekatan pengarang di dalam kitab ini adalah selaras dengan pendekatan ulama-ulama *Khalaf* yang mementingkan penggunaan akal di dalam akidah malah ia saling berhubungan dan berkait rapat di antara satu sama lain.

Salah satu konsep *Khalaf* ialah *ta'wil*. Menurut mereka dengan *ta'wil* akan memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap sesuatu perkara sepetimana ayat-ayat *al-Mutasyābihāt*.<sup>82</sup> Contohnya firman Allah s.w.t :<sup>83</sup>

”يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ“

Maksudnya : “Tangan Allah s.w.t. di atas tangan mereka”

Pengarang menjelaskan tentang ayat *al-Mutasyābihāt* dengan mengatakan bahawa :<sup>84</sup>

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, hal. 8

<sup>82</sup> *Ibid.*, hal. 43

<sup>83</sup> Surah al-Fatḥ, ayat : 10

<sup>84</sup> Zain al-'Abidin al-Fatani, *op. cit.*, hal. 43

“.... Dan maka segala ayat *al-Mutasyabihāt* itu wajib dipalingkan (*ta’wil*) bagi makna yang lain daripada makna yang zahir itu dengan makna yang munasabah dengan *qawā'id syara'* ”

Begitulah kedudukan ayat-ayat *al-Mutasyabihāt* yang lain. Demikian juga dengan hadith-hadith *al-Mutasyabihāt*. Manakala bagi ayat-ayat dan hadith-hadith *al-Muhkamāt* (terang) diterangkan mengikut pengertiannya yang asal.<sup>85</sup>

Pendekatan ini amat berbeza dengan konsep *al-Salaf* di dalam akidah.

Mereka mendahuluikan dalil-dalil *al-Naqliyah* (al-Quran dan hadith) dari akal.<sup>86</sup>

Di samping itu juga penggunaan sifat Dua Puluh<sup>87</sup> dan istilah *mutakallimin*<sup>88</sup> menunjukkan pengaruh aliran *Khalaf* di dalam penulisan kitab ini. Pengarang juga membincangkan perkara-perkara yang rumit seperti *al-Jauhar al-Fard* dan *al-'Arad*.<sup>89</sup>

Pengarang juga banyak mengambil pendapat-pendapat ulama Kalam dan ulama-ulama *Khalaf* di dalam menyokong hujah-hujahnya. Di antara tokoh-tokoh

---

<sup>85</sup> *Ibid.*

<sup>86</sup> Dr. Mustafā Hilmī, *op. cit.* .. hal. 174-176

<sup>87</sup> *Ibid.*, sila rujuk hal. 11- 36

<sup>88</sup> *Ibid.* , hal. 20, contohnya pengarang menjelaskan penggunaan istilah *mahāl* ( محل ) dan *mukhassay* ( مخصوص ).

<sup>89</sup> *Ibid.* hal. 14

utama yang menjadi rujukan pengarang ialah penulis kitab *Umm al-Barāhīn*, Ibn Yusuf al-Sanusi.<sup>90</sup> Kitab beliau merupakan kitab rujukan paling utama oleh ulama-ulama Nusantara di dalam perbincangan sifat Dua Puluh.<sup>91</sup> Begitu juga dengan Imam al-Haramain (M. 478H)<sup>92</sup>, Syeikh 'Abd al-Rahman al-Iji (M. 756H)<sup>93</sup> Syeikh Ibrāhīm al-Laqqānī<sup>94</sup>, Syeikh Hud Hudī<sup>95</sup> dan lain-lain.

Persoalan sifat Dua Puluh merupakan pendekatan utama ulama-ulama *Khalaf* di dalam persoalan ketuhanan untuk berhadapan aliran falsafah seperti Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang menimbulkan perbahasan sifat dengan menafikan sifat-sifat Allah s.w.t. Persoalan sifat menjadi perbincangan hangat di kalangan ulama-ulama Kalam pada waktu itu.<sup>96</sup>

Imam al-Asy'ari (M. 324H) dan Imam Abū Mañṣūr al-Maturidī (M. 333H) telah menyentuh persoalan tersebut di dalam perbahasan ilmu Kalam dan

---

<sup>90</sup>*Ibid.* , .2 , Kitab ini merupakan terjemahan dan *syarah* daripada kitab *Umm al-Barāhīn* karangan Ibn Yusuf al-Sanusi.

<sup>91</sup> Abd Rahman Hj. Abdullah, *op. cit.*, hal. 110-111

<sup>92</sup>Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī, *op. cit.* , hal. 11

<sup>93</sup>*Ibid.* , hal. 59

<sup>94</sup>*Ibid.* , hal. 49

<sup>95</sup>*Ibid.* , hal. 10

<sup>96</sup>Mudasir Rosder, *op. cit.* , , hal. 24

sifat Dua Puluh walaupun sesetengahnya dibahas secara tidak langsung.<sup>97</sup> Begitu juga peranan yang dimainkan oleh Abu Bakr al-Baqilani (M. 403H)<sup>98</sup> dan Abu Mansur al-Qahir al-Baghda'i (M. 429H)<sup>99</sup> di dalam persoalan tersebut.

Ulama-ulama selepasnya juga membicarakan tentang sifat Dua Puluh, hanya cara pembahagian dan penyusunannya sahaja yang berbeza. Pada keseluruhannya persoalan sifat Dua Puluh telah dibicarakan secara langsung, manakala hanya susunan perbahasan tidak tersusun seperti yang terdapat dalam perbahasan sifat Dua Puluh kini. Di antara mereka ialah Imam al-Haramain, Abu Hamid al-Ghazali (M. 505H) dan Fakhr al-Din al-Razi (M. 606H).<sup>100</sup>

Perkembangan persoalan sifat terus berlanjutan sehingga ke kurun ke-9 hijrah, pada masa ini perbahasan sifat Dua Puluh dibataskan. Kitab terawal membicarakan sifat Dua Puluh ialah kitab *Umm al-Bara'ih* karangan Abu 'Abd Allah Muhammad Yusuf al-Sanusi. Dalam kitab ini terdapat nas yang terang menunjukkan kepada sifat Dua Puluh.<sup>101</sup>

---

<sup>97</sup> *Ibid.*, hal 27

<sup>98</sup> *Ibid.*, hal. 32

<sup>99</sup> *Ibid.*, hal. 36

<sup>100</sup> *Ibid.*, hal. 59

<sup>101</sup> *Ibid.*, hal. 60

Kitab *Umm al-Barāhīn* menjadi penting di kalangan ulama Akidah pada kurun ke-18 di Kepulauan Melayu yang membahas tentang ajaran sifat Dua Puluh. Tokoh pertama yang mendahului ulama abad itu ialah Muhammad Zain Faqīh Jalal al-Dīn al-Āsyī. Beliau telah menterjemah dan mengubahsuai kitab *Umm al-Barāhīn* di dalam kitabnya *Bidayah al-Hidāyah*<sup>102</sup>

Kemudiannya perbahasan sifat Dua Puluh dipelopori oleh ulama-ulama lain termasuk Syeikh Zain al-Ābidīn Muhammad al-Fatānī di dalam kitabnya bertajuk *Aqidah al-Najīn*.<sup>103</sup>

Kesimpulannya, pengarang lebih mengutamakan akal daripada *naqal*. Di mana *naqal* tetap digunakan sebagai sokongan terhadap akal. Kedua-dua dalil tersebut disertakan oleh pengarang di dalam kebanyakan perbahasan tentang akidah.

Sebagai contohnya, pengarang menghuraikan ayat-ayat *al-Mutasyābīhāt* menurut perspektif ulama Kalam yang menta'wilkanya (مَتَّعْلِمُونَ) *dita'wilkan*

---

<sup>102</sup> Abd Rahman Hj Abdullah, *op. cit.*, hal. 110

<sup>103</sup> *Ibid.*, hal. 111

sebagai kekuasaan (*Qudrah*) Allah s.w.t. Konsep *ta'wilan* tersebut adalah munasabah dengan makna yang layak bagi Allah s.w.t.<sup>104</sup>

Namun begitu, pengarang juga menyebut beberapa pendapat tentang ayat *al-Mutasyabihāt* mengikut aliran *Salaf* selepas menghuraikan perbahasan yang panjang lebar menurut aliran *Khalaf* seperti menghuraikan ayat (الرَّحْمَنُ عَلَىٰ )

(الْعَرْشُ اسْتَوْى ) , di mana kedua-duanya diakui sebagai mazhab *Ahl al-Sunnah wa*

*al-Jama'ah*.<sup>105</sup>

Maksud *al-Salaf* dan *al-Khalaf* seperti huraian pengarang di atas, merujuk kepada pendapat sama ada *menta'wilkan* ayat-ayat tersebut seperti yang dilakukan oleh ulama-ulama *Khalaf* ataupun *Salaf* yang *mentafwidkannya* kepada Allah s.w.t. .<sup>106</sup>

Penulis berpendapat bahawa , pendekatan akal yang dibawa oleh pengarang di dalam kitabnya adalah kurang tepat dengan realiti masa kini kerana ia membawa kepada perdebatan berpanjangan seperti pendekatan ulama-ulama

---

<sup>104</sup>Zain al-Abidin al-Faṣāni, *op. cit.* , hal. 51

<sup>105</sup>*Ibid.* , hal. 50-51

<sup>106</sup>*Ibid.*

*Khalaf* berhadapan dengan Mu'tazilah dan Jahmiyah yang mengutamakan akal melebihi segala-galanya. Ia sesuai untuk waktu tersebut, tetapi sudah tidak sesuai dengan realiti kini yang sudah bebas daripada ancaman Mu'tazilah. Apa yang perlu ialah kembali kepada pendekatan akidah yang diambil oleh para sahabat dengan menjadikan al-Quran dan hadith sebagai rujukan paling utama di dalam semua perkara terutamanya di dalam persoalan akidah.

### 3.5.4 Mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*

Pengarang telah menjelaskan dengan sejelas-jelasnya bahawa kitab karangannya adalah merupakan akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dan untuk mengelakkan daripada kesesatan dan *bid'ah* di dalam ilmu Usuluddin sebagaimana tertera di kulit kitabnya.<sup>107</sup>

Pengarang juga telah menjelaskan bahawa karangannya ini adalah berpandukan kepada aliran mazhab Asyā'irah dan Māturīdiyyah.<sup>108</sup> Ini amat jelas kerana kitab ini adalah terjemahan dan *syarah* terhadap matan asal syeikh Ibn Yusuf al-Sanusi juga melalui aliran yang sama dengannya iaitu *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (Asyā'irah).<sup>109</sup>

---

<sup>107</sup> *Ibid.*, Sila lihat muka kulit

<sup>108</sup> *Ibid.*, hal. 5

<sup>109</sup> *Ibid.*, hal. 2

*Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* ialah mereka yang mendapat hidayah Allah s.w.t dan mengikuti sunnah Rasul s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan, pengakuannya dan mematuhi segala suruhanNya serta meninggalkan segala laranganNya. Oleh itu , mazhab yang dibawa oleh kebanyakan ulama akidah yang muktabar adalah mazhab *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* termasuk juga pengarang kitab ini.

### 3.6 Kandungan Kitab

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Pendahuluan	2
2	Takrif Ilmu Tauhid	5
3	Sifat-sifat Wajib Bagi Allah – Sifat Dua Puluh	16
4	Sifat-sifat Mustahil Bagi Allah	36
5	Sifat-sifat Harus Bagi Allah	52
6	Dalil-dalil Bagi Sifat-sifat Allah	58
7	Kenabian / Kerasulan (Sifat-sifat Wajib)	68
8	Sifat-sifat Mustahil Bagi Rasul	71
9	Sifat-sifat Harus Bagi Rasul	72
10	Mukjizat Rasulullah s.a.w.	75
11	Tanda-tanda Kiamat	86
12	Malaikat	96
13	Beriman Dengan <i>al-Sam'iyyat</i> (Kiamat, Azab)	99

	Kubur, Mahsyar,Syafa'at Rasul, Arasy, Syurga dan Neraka)	
14	Makna Islam dan Iman	117
15	Iman Bertambah dan Berkurang	120
16	Kesimpulan (pengarang)	122
17	Ilmu Tasawwuf (pembersihan jiwa)	130
18	Penutup	139

### 3.7 Klasifikasi Hadith-hadith Akidah

Fokus pengkajian penulis ialah tentang hadith-hadith Akidah di dalam kitab ‘*Aqidah al-Najin fi ‘Ilm Usūl al-Dīn*’ karangan Syeikh Ibnu Yusuf al-Sanusi. Beliau juga merupakan pengarang kitab tauhid yang masyhur iaitu *Umm al-Barāhīn*.

Kitab tersebut telah diterjemahkan oleh Syeikh Zain al-‘Abidin bin Muhammad al-Faṭāñī yang bermakna *i’tiqād* setiap orang yang kelepasan daripada sesat dan *bid’ah* pada membicarakan ilmu Usuluddin dan membicarakan tentang akidah *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama’ah*.<sup>110</sup>

---

<sup>110</sup> Ibid. , lihat muka kulit.

Penulis telah membahagikan kategori hadith-hadith akidah kepada tiga tajuk utama perbincangan akidah iaitu *al-Uluhiyyat* (ketuhanan), *al-Nubuwwat* (kenabian) dan *al-Sam'iyyat* (perkhabarhan ghaib).

Secara umumnya, terdapat sebanyak sembilan puluh satu (91) hadith kesemuanya di dalam kitab ini. Berdasarkan kepada tiga kategori tersebut, penulis membahagikannya pula kepada beberapa tajuk kecil seperti gambarajah di bawah ini berdasarkan kekerapan hadith yang diutarakan di bawah tajuk tersebut sama ada ia mempunyai kaitan secara langsung mahupun sekadar menyokong dan menguatkan lagi keterangan yang berkaitan dengan dalil-dalil daripada hadith tersebut.

BIL	TAJUK	KEKERAPAN
1	Pendahuluan	3
2	Ketuhanan / <i>al-Uluhiyyat</i>	20
3	Kenabian / <i>al-Nubuwwat</i>	15
4	Perkara Ghaib / <i>al-Sam'iyyat</i>	14
5	Lain-lain (Dunia, Kelebihan Ilmu dan sebagainya)	29
	JUMLAH	91

### 3.7.1 Hadith-hadith Ketuhanan (*al-Uluhiyyat*)

Terdapat sebanyak dua puluh hadith yang membincarakan aspek ketuhanan di dalam kitab ini. Sedikit sahaja hadith-hadith Akidah tentang sifat secara langsung, manakala kebanyakannya adalah secara tidak langsung. Di antara tajuk-tajuk kecil yang membincangkan secara khusus tentang ketuhanan ialah perbincangan sifat-sifat Allah s.w.t seperti *al-Baqâ'*, *al-Wahdaniyah*, *al-Qudrah*, *al-Iradah*, ayat-ayat *al-Mutasyâbihât* dan sebagainya. Berikut disertarkan beberapa contoh hadith yang dibincangkan di sini ialah seperti berikut:

#### i. Sifat Wajib (*al-Wahdaniyah*)

Sabda Rasulullah s.a.w. :<sup>111</sup>

”تفکروا فی الخلق ولا تفکروا فی الخالق فانه لا تحیط به الفكرة“

Maksudnya: “Fikirkanlah olehmu segala yang dijadikan Allah dan jangan kamu fikirkan pada Tuhan yang menjadikan makhluk, maka bahawasanya tidak dapat kamu hendak meliputi dengannya oleh fikiran kamu itu”.

#### ii. Sifat Mustahil - Berlawanan Dengan Sifat *al-Qidam*.

Rasulullah s.a.w bersabda:<sup>112</sup>

”يوشك الناس يسألون حتى يقول قائلهم هذا الله خالق الخلق فمن خلق الله فإذا قالوا ذلك فقولوا قل هو الله أحد الله الصمد لم يلد ولم يولد ولم يكن له كفوا أحد“

Maksudnya: “Hampir-hampir manusia ditanya akan mereka itu hingga berkata daripada mereka itu, ini Allah yang menjadikan

<sup>111</sup> *Ibid*.hal.21

<sup>112</sup> *Ibid*. hal.37

**makhluk maka siapa yang menjadikan Allah dan apabila berkata oleh mereka itu perkara demikian maka katakanlah**

”**قَلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ اللَّهُ الصَّمْدُ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كَفُواً أَحَدٌ**“

### **3.7.2 Hadith-Hadith Kenabianan (*al-Nubuwwat*)**

Hadith-hadith yang terdapat di dalam bahagian ini adalah berkisar tentang risalah kenabian Muhammad s.a.w. dan perkara yang berkaitan dengan keperibadiannya yang agung. Di antaranya ialah:

#### **i. Hadith Mukjizat (pengarang membawa hadith secara *mafhum*)**

Di antara mukjizatnya ialah terpancar air di antara anak jarinya seperti hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim daripada Jābir berkata ia: (telah dahaga manusia pada hari Hudaibiyah dan adalah Rasulullah s.a.w di hadapannya timba air daripada kulit yang ia mengambil air sembahyang dengannya dan datang segala manusia kepadanya seperti kanak-kanak mengurumuni ibunya dalam keadaan hampir-hampir menangis. Maka sabdanya: Apa hal dengan kamu ini ? Mereka menjawab: Wahai Rasulullah, kami ketiadaan air untuk mengambil air sembahyang dan untuk diminum melainkan barang yang di antara dua tanganmu itu. Maka Nabi s.a.w meletakkan tangannya ke dalam timba lantas terkeluarlah air daripada anak jarinya seperti mata air , maka kami minum dan mengambil wudhu'. Berkata yang bertanya itu berapa bilangan kamu ? Katanya: Seratus ribu nescaya memadai akan kami tetapi bilangan kami hanya seramai seribu lima ratus sahaja.)<sup>113</sup>

---

<sup>113</sup>Ibid., hal.75

### **3.7.3 Hadith-hadith Perkhabaran Ghaib (*al-Sam'iyyat*)**

Hadith-hadith yang dibincangkan di dalam bab ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara ghaib seperti pembalasan dosa dan pahala, kebangkitan Dajjal, hal ehwal kiamat dan sebagainya. Di antaranya ialah:

#### **i. Hadith Pembalasan di akhirat**

Sabda Rasulullah s.a.w :<sup>114</sup>

إِنَّ أَحَدَكُمْ لِيَعْلَمْ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّىٰ مَا يَكُونَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا  
إِلَّا ذَرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْلَمُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا  
وَإِنَّ أَحَدَكُمْ لِيَعْلَمْ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّىٰ مَا يَكُونَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا  
إِلَّا ذَرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْلَمُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا

Maksudnya : “ Bahwasanya seorang daripada kamu beramalia dengan amalan ahli neraka hingga tiada di antaranya dan neraka itu melainkan satu hasta jua, maka terdahulu atasnya oleh suratannya maka beramalia dengan amalan ahli syurga , maka masuk ia akan syurga. Dan bahwasanya seorang lagi beramalia dengan amalan ahli syurga sehingga tiada di antaranya dan di antara syurga itu melainkan satu hasta sahaja, maka mendahului atasnya akan suratan amalannya maka beramalia dengan amalan ahli neraka lantas dimasukkan ke dalam neraka”.

#### **ii. Hadith Tanda-tanda Kiamat**

Rasulullah s.a.w. bersabda tatkala ditanya oleh Jibril <sup>115</sup>:

”أَن تَلِدُ الْأُمَّةَ رَبْتَهَا وَأَن تَرِيَ الْجَفَافَةَ الْعَرَاءَ الشَّاةَ  
يَتَطَالُونَ فِي الْبَنِيَانِ ”

Maksudnya: “(Di antara alamat kiamat itu) bahawa beranak hamba perempuan akan penghulunya dan bahawa engkau lihat akan orang

<sup>114</sup> *Ibid.* hal.55

<sup>115</sup> *Ibid.* hal.86

## BAB KETIGA

### KITAB ‘AQIDAH AL-NAJĪN

#### 3.1 Pendahuluan

Di antara peninggalan para ulama dan cendikiawan Islam yang masih kekal sehingga hari ini ialah kitab-kitab karangan mereka di dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan. Bahan-bahan tersebut sama ada berbentuk matan, syarah dan ringkasan.

Ulama-ulama Islam di Nusantara juga tidak ketinggalan mengarang kitab-kitab tentang akidah, fiqh dan tasawwuf(akhlak). Di antara mereka yang terkenal ialah seperti Syeikh Daud bin ‘Abd Allah al-Fatānī, Syeikh Zain al-‘Abidīn bin Muhammad al-Fatānī, Syeikh Nawawī Bentan, Syeikh Zain al-Dīn bin Muhammad al-Baidawī al-Sambawī, Muhammad Zain al-Faqīh Jalāl al-Dīn al-Asyī dan Haji ‘Abd al-Šamad bin Muhammad Šalih.<sup>1</sup>

Di dalam kajian ini, penulis memfokuskan kepada salah sebuah kitab karangan Syeikh Zain al-‘Abidīn di dalam akidah iaitu kitab ‘Aqidah al-Najīn.

---

<sup>1</sup>Abd Rahman Hj. Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara*, D.B.P, Kuala Lumpur, 1990, hal. 110 dan 111